

# Tun Abdullah arkitek koridor ekonomi negara

Pelbagai inisiatif Allahyarham jana peluang pekerjaan di bandar dan luar bandar

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi dikenang sebagai pemimpin berwawasan yang memperkenalkan pendekatan pembangunan inklusif bagi memperkasa wilayah serta menjana peluang pekerjaan di bandar dan luar bandar menerusi penubuhan beberapa koridor ekonomi strategik di seluruh negara.

Bermula dengan pelancaran Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) di Johor, projek untuk semua rakyat itu turut digerakkan ke utara, timur, Sabah dan Sarawak dengan dikenali Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER); Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE).

Pelancaran WPI membabitkan kawasan seluas 2,217 kilometer persegi di selatan Johor dengan jangkaan mewujudkan 800,000 peluang pekerjaan baharu dalam tempoh 20 tahun, sementara pelancaran NCER membabitkan Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Utara Perak dengan jangkaan pelaburan sebanyak RM177 bilion sehingga 2025.

Pelancaran ECER untuk Kelantan, Terengganu, Pahang dan daerah Mersing, Johor yang dianggarkan menarik pelaburan RM112 bilion.

Pelancaran SDC bagi menjana pertumbuhan ekonomi negeri itu supaya sejajar dengan kemajuan pembangunan di Semenanjung, sementara pelancaran SCORE dengan pelaburan awal bernilai RM105.6 bilion.

Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Mohamad Haris Kader Sultan menyifatkan pemergian Allahyarham satu kehilangan besar kepada negara, khususnya dalam bidang pembangunan modal insan, sosioekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Malah, Malaysia mencatat pertumbuhan ekonomi memberangsangkan hampir enam peratus setahun dalam tempoh kepimpinan Allahyarham dari 2003 hingga 2008.



Abdullah ketika merasmikan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan Pusat Kecemerlangan Universiti Malaysia Terengganu pada 14 Jun 2008. (Foto BERNAMA)

Di bawah pimpinannya, rakyat menyaksikan pelbagai pencapaian ekonomi luar biasa seperti pendapatan per kapita meningkat sebanyak 8.5 peratus setahun daripada RM15,819 pada 2003 kepada RM25,816 menjelang 2008.

Malah, kadar inflasi juga kekal terkawal sekitar 2.8 peratus setahun, manakala kadar pengangguran sekitar 3.7 peratus

pada 2008.

Pelaburan swasta meningkat pada kadar 17.1 peratus setahun daripada RM33.8 bilion kepada RM79.8 bilion, sementara eksport barangan pula mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 8.9 peratus setahun.

Jumlah dagangan negara juga melepasi paras RM1 trilion sejak 2006, satu pencapaian yang menandakan Malaysia semakin ter-

serlah di persada ekonomi antarabangsa.

Pada 2008, lebih akaun semasa dalam imbangan pembayaran negara mencatat RM130 bilion atau 17.5 peratus daripada KDNK, sementara defisit fiskal berjaya dikurangkan daripada lima peratus kepada 3.2 peratus.

Rizab antarabangsa menunjukkan peningkatan kukuh kepada RM316.8 bilion, mencerminkan keyakinan pelabur terhadap dasar kerajaan, selain pemansuhan tambatan ringgit kepada dolar AS serta pelaburan dalam sektor strategik seperti bioteknologi, biofuel dan pertanian moden.

Penggabungan konglomerat perladangan terbesar negara di bawah Permodalan Nasional Bhd (PNB) yang melahirkan Sime Darby Bhd dengan modal pasaran melebihi RM65 bilion antara legasi penting memperkukuh daya saing di peringkat global.

Sementara itu, bekas Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata penubuhan Institut Kanser Negara, dilihat antara jasa Allahyarham dalam usaha menyediakan rawatan khusus penyakit kanser.

"Institut itu diluluskan di bawah naungan Abdullah yang kehilangan isteri, Datin Seri Endon Mahmood akibat kanser payudara pada 2005, terletak bersebelahan Hospital Putrajaya dan Putrajaya Sentral," katanya menerusi hantaran di Facebook, semalam.

Timbalan Pengerusi Majlis Ulama UMNO, Datuk Mohd Khairuddin Aman Razali pula menyifatkan Malaysia kehilangan seorang negarawan ulung dan meninggalkan legasi besar, khususnya dalam bidang pendidikan Islam.

"Pemergian Allahyarham satu kehilangan besar kepada negara, khususnya dalam bidang pembangunan modal insan, sosioekonomi dan kesejahteraan rakyat"

Mohamad Haris Kader Sultan, Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA)



"Malaysia kehilangan seorang negarawan ulung dan meninggalkan legasi besar, khususnya dalam bidang pendidikan Islam melalui inisiatif J-QAF"



Mohd Khairuddin Aman Razali, Timbalan Pengerusi Majlis Ulama UMNO

Institut Kanser

Institut Kanser Negara (IKN), Putrajaya.

